

09/03/2000

Pelan induk K-ekonomi siap Oktober

Kadir Dikoh; Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan akan menyiapkan Pelan Strategi Kebangsaan Oktober ini sebagai pelan induk kepada perubahan ekonomi negara berasaskan pengeluaran (P-ekonomi) kepada ekonomi berasaskan pengetahuan (K-ekonomi).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pelan induk yang merangkumi strategi K-ekonomi itu dijangka dilaksanakan sepenuhnya dalam tempoh 18 bulan lagi.

"Pelan induk ini bukanlah khusus untuk golongan elit saja, sebaliknya harus dimanfaatkan segenap lapisan masyarakat, termasuk generasi muda Wawasan 2020 bagi memastikan faedah yang menyeluruh kepada rakyat.

"Anjakan paradigma ke arah globalisasi ekonomi dunia yang berasaskan pembangunan terkini teknologi maklumat (IT) serta komunikasi sudah pun bermula dan mereka yang ketinggalan akan tergolong dalam masyarakat mundur.

"Kerajaan sudah menyediakan asas bagi IT menerusi Koridor Raya Multimedia (MSC) dan peluang ini wajar dimanfaatkan rakyat bagi menerapkan budaya celik IT dalam masyarakat," katanya merasmikan Persidangan Pengetahuan Global Kedua (GK II), di sini hari ini.

Dr Mahathir kemudian berdialog selama kira-kira sejam dengan kira-kira 1,200 peserta mewakili 120 negara, kebanyakan negara Selatan. Antara isu yang menjadi tumpuan dalam soal jawab itu ialah berkaitan K-ekonomi dan globalisasi.

Beliau berkata, pendekatan ke arah meningkatkan pengetahuan mengenai IT dan K-ekonomi perlu disegerakan bagi merapatkan jurang ekonomi antara golongan kaya dan miskin menerusi pengagihan maklumat secara sama rata kepada semua golongan rakyat.

Sehubungan itu katanya, kerajaan sudah merangka rumusan strategik melangkah ke era IT dengan menyelaras 'Daya Usaha Strategik Satu' bagi abad Ke-21 sebagai susulan kepada perancangan yang dimulakan dalam Wawasan 2020.

Pengaruh manusia pada alaf baru, kata Dr Mahathir, diukur berdasarkan kemampuan seseorang menguasai, mengumpul dan menggunakan sumber maklumat yang dimiliki dan pengetahuan itu akan menentukan hala tuju tamadun manusia pada masa depan.

Walaupun begitu, beliau mengingatkan bahawa K-Ekonomi bukan alasan mengabaikan sektor perindustrian negara yang menjadi tulang belakang ekonomi dengan menyumbang 37 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun lalu.

"Kita sepatutnya menggarap kefahaman IT dan pengetahuan sedia ada bagi memantapkan lagi sektor perindustrian negara yang menyediakan 30 peratus peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

"Kejayaan pelaksanaan MSC dan kemajuan IT negara wajar diguna pakai bagi meningkatkan lagi kadar eksport sektor pembuatan yang merangkumi 85 peratus daripada jumlah eksport keseluruhan tahun lalu," katanya.

(END)